

**PELAKSANAAN PROGRAM j-QAF DALAM PENGAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM KBSR GABUNGAN
KOTA KINABALU SABAH**

KHUZAIFAH BINTI JUSOH

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Pelaksanaan Program j-QAF Dalam Pengajaran Pendidikan Islam KBSR Gabungan Kota Kinabalu.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2004 – 2006

Saya, KHUZAIFAH BINTI JUSOH mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.

Disahkan oleh



(Penulis: KHUZAIFAH BINTI JUSOH)

Alamat tetap:
No. 9A, KDSK.
32000 Seri Manjong,
Perak.

Tarikh : 10 Julai 2006

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(TN.HJ.ABDUL SAID BIN AMBOTANG)

Tarikh : 11 Julai 2006

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah**

PERAKUAN

Disertasi bertajuk "Pelaksanaan Program j-QAF Dalam Pengajaran Pendidikan Islam KBSR Gabungan Kota Kinabalu" dikemukakan oleh KHUZAIFAH BINTI JUSOH bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh,

(TN. HJ. ABDUL SAID BIN AMBOTANG)
Penyelia Disertasi
Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 11 Julai 2006



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 April 2006

KHUZAIFAH BINTI JUSOH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya maka kajian yang bertajuk 'Perlaksanaan j-QAF dalam pengajaran Pendidikan Islam KBSR telah dapat disempurnakan.

Dikesempatan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tn. Hj. Abdul Said Ambotang, Pensyarah SPPS UMS selaku penyelia disertasi yang telah membimbing, memberi pandangan dan saranan serta semangat untuk menjalankan kajian ini.

Ucapan penghargaan dirakamkan kepada Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed, Dekan SPPS UMS, Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid, Timbalan Dekan SPPS UMS yang turut membantu dalam disertasi kajian ini, juga buat semua pensyarah SPPS UMS yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah.

Penghargaan juga dirakamkan kepada Pejabat Pelajaran Gabungan Kota Kinabalu yang sangat komited dalam memudahkan pencarian data statistik Guru j-QAF dan sekolah-sekolah yang terlibat dengan program tersebut.

Sekalung penghargaan buat Pengetua SMK Inanam yang menyokong usaha murni ini, juga kepada Guru-guru Besar sekolah rendah yang terlibat dalam proses pengendalian soal selidik serta respon yang menarik mengenai j-QAF.

Tidak lupa juga penghargaan kepada kakitangan Perpustakaan UKM, UM, UPM dan Pusat Penyelidikan Putrajaya yang turut memberi kerjasama dalam menghasilkan disertasi ini. Juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang turut menyumbang tenaga, idea, nasihat serta sokongan moral secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali penghargaan istimewa buat habibi Husain Idris serta ke tiga-tiga permata hatiku Khuzairyn, Ahmad Farid Wahidy dan Ahmad Fadhlha Wahby yang telah banyak berkorban dalam merealisasikan impian isteri dan cita-cita seorang ibu, juga buat ayahanda Hj. Jusoh dan bonda Hjh. zawiah yang senentiasa mendoakan kejayaan anaknya dunia dan akhirat.

Salam buat semua. Istiqamatulmatul jihad.

ABSTRAK

PERLAKSANAAN PROGRAM j-QAF DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM KBSR

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat perbezaan persepsi antara Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama terhadap program j-QAF. Selain itu, kajian juga turut meninjau pengaruh sesi persekolahan dan pengaruh pengalaman bekerja terhadap pelaksanaan j-QAF. Di samping itu, hubungan antara penjadualan dan kerjasama dengan pelaksanaan j-QAF turut dikaji. Kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik diaplikasikan dalam kajian ini. Prosedur kajian dijalankan ke atas Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF iaitu seramai 160 orang yang terdiri daripada 60 orang Pentadbir, 50 orang Guru GPI dan 50 orang Guru j-QAF yang dipilih secara rawak. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif (min), inferens (Ujian-t), ANOVA Sehala dan Korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF mempunyai persepsi yang positif terhadap program j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama dengan mencatat skor min melebihi 3.0. Perbezaan persepsi antara kumpulan tersebut adalah di bawah 0.05, $p<0.05$. Pengalaman bekerja mempengaruhi pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama terhadap program j-QAF dengan cacatan 0.000, $p<0.05$ manakala sesi persekolahan tidak mempengaruhi pelaksanaan penjadualan dan kerjasama terhadap program j-QAF dengan catatan $p> 0.05$. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara penjadualan dan kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF dengan catatan $r = 0.49$ dan $r = 0.42$. Diharap maklumat yang diperoleh daripada hasil kajian ini dapat membantu Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam program j-QAF demi untuk menjamin keperkasaan Pendidikan Islam.



ABSTRACT

THE IMPLEMENTATION OF j-QAF PROGRAMME IN TEACHING KBSR ISLAMIC EDUCATION

The objective of this research is to identify the perception of school administrators, Islamic education teachers and j-QAF teachers based on implementation, scheduled and cooperation of j-QAF programme. This research also discuss about the influence of teaching experience and school session towards j-QAF programme. Next, the research is to find the correlation between scheduled and cooperation with j-QAF implementation. This research used observation methodology. Survey also used as the instrument of research. 160 sample are chosen randomly among the school administrators (60), Islamic education teachers (50) and j-QAF teachers (50). The data were analysed using descriptive statistic (mean) and inferential statistic (Oneway ANOVA, t -Test and Pearson correlation). The result shows that school administrators, Islamic education teachers and j-QAF teachers have positive perception towards j-QAF in all aspects which stated the mean score 3.0 and above. The score of difference perception among the three groups stated below 0.05. Teaching experience affected on implementation, scheduled and cooperation with 0.000 score. The school session do not affect implementation, scheduled and cooperation with score stated $p > 0.05$. Next, there is a satisfactory relationship between scheduled and cooperation towards the implementation of j-QAF programme. The score are $r = 0.49$ and $r = 0.42$. This research will help the Islamic and Moral Department of the Ministry of Education to solve the problems of j-QAF programme effectively and to increase the achievement of Islamic education.

SINGKATAN

KBSR	= Kurikulum Baru Sekolah Rendah
GPI	= Guru Pendidikan Islam
KPM	= Kementerian Pelajaran Malaysia
PI	= Pendidikan Islam
P&P	= Pengajaran dan Pembelajaran
JAPIM	= Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
SAR	= Sekolah Agama Rendah
SUI	= Sekolah Ugama Islam
KBS	= Kem Bestari Solat



SENARAI SIMBOL

N	Bilangan SubjeK
r	Nilai korelasi
P	Pekali korelasi
Sig	Nilai signifikan
<	Kurang dari
>	Lebih dari
=	Sama dengan
%	Peratus
Min	Purata
Ho	Hipotesis nol
Ha	Hipotesis alternatif

KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SINGKATAN	v
SIMBOL	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Soalan Kajian	6
1.5	Tujuan Kajian	7
1.6	Objektif kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Hipotesis Kajian	9
1.9	Definisi Operasional	10
1.9.1	Pelaksanaan j-QAF	10
1.9.2	Program j-QAF	11
1.9.3	Guru j-QAF	12
1.9.4	Gabungan Kota Kinabalu	12
1.9.5	Persepsi	13
1.10	Batasan kajian	13
1.11	Rumusan	14

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Definisi Konsep	16
2.2.1	Pelaksanaan	16
2.2.2.	Konsep j-QAF	17
2.2.3	Pengajaran	19
2.2.4	Pendidikan Islam	20
2.2.5	Pentadbir j-QAF	22
2.2.6	Hubungan antara Guru j-QAF dan GPI	22
2.3	Teori	25
2.3.1	Teori Jangkaan	25
2.3.2	Teori Structural – Fungsional	26



2.4	Model	27
2.4.1	Model Glaser	27
2.4.2	Model Sim	27
2.5	Kajian-kajian Lepas	28
2.5.1	Hubungan Program j-QAF dengan Pendidikan Islam	28
2.5.2	Persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap pelaksanaan program j-QAF	38
2.5.3	Kerjasama pihak sekolah, guru-guru dan ibu bapa	40
2.5.4	Perbezaan Demografi sekolah dan pelaksanaan program j-QAF	45
2.5.5	Pengajaran j-QAF dalam Pendidikan Islam	46
2.5.6	Tasmik al-Quran	50
2.5.7	Penggunaan Tulisan Jawi	52
2.5.8	Program j-QAF dan Pendidikan Islam di luar jadual	53
2.6	Kerangka Teoritikal Kajian	55
2.7	Penutup	56

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Populasi dan Sampel	59
3.4	Instrumen Kajian	60
3.5	Pengurusan Soal Selidik	62
3.6	Kesahan Dan kebolehpercayaan Instrumen	65
3.7	Kajian Rintis	67
3.8	Skala Pemarkahan	68
3.9	Proses Analisis Data	69
3.9.1	Analisis Varian (ANOVA sehala)	70
3.9.2	Ujian-t	70
3.9.3	Analisis Korelasi	71
3.10	Aras Signifikan	71
3.11	Penutup	72

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	73
4.2	Laporan Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	73
4.3	Demografi Responden	75
4.3.1	Taburan responden Mengikut Jawatan	75
4.3.2	Taburan responden Mengikut Sesi Persekolahan	76
4.3.3	Taburan responden Mengikut Pengalaman Mengajar	76
4.3.4	Taburan min mengikut Pembolehubah	77
4.4	Dapatan Kajian Berdasarkan Hipotesis Alternatif	78
4.4.1	Persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama	78
4.5	Dapatan Kajian Berdasarkan Hipotesis Nol	79
4.5.1	Perbezaan Persepsi antara Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek Pelaksanaan, Penjadualan dan kerjasama	79

4.5.2	Perbezaan Persepsi antara Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF mengikut Pengalaman Bekerja	82
4.5.3	Perbezaan Pelaksanaan, Penjadualan dan Kerjasama terhadap program j-QAF mengikut sesi persekolahan	84
4.5.4	Hubungan antara Penjadualan dan Kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF	85
4.6	Analisa Keseluruhan Dapatan Kajian	86
4.7	Penutup	88

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	89
5.2	Pendekatan Kajian	89
5.3	Perbezaan Persepsi tentang j-QAF antara Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama	91
5.4	Perbezaan Persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF tentang program j-QAF mengikut Pengalaman Bekerja	96
5.5	Perbezaan Persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF tentang pelaksanaan program j-QAF mengikut sesi persekolahan	97
5.6	Hubungan antara Penjadualan dan Kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF	99
5.7	Perbincangan Kerangka Kajian, Teori dan Model	101
5.8	Cadangan dan Rumusan	103
5.8.1	Memberi Kefahaman menyeluruh kepada ibu bapa mengenai program j-QAF	104
5.8.2	Pengagihan Guru j-QAF dicadangkan setiap tahun menggantikan dua tahun sekali	104
5.8.3	Memberi imbuhan kepada ibu bapa yang menyumbang tenaga untuk kelas Tasmik al-Quran	105
5.8.4	Memberi penerangan mendalam tentang objektif j-QAF kepada Guru j-QAF dan GPI	106
5.8.5	Guru j-QAF hendaklah mengadakan hubungan mesra dengan GPI dan Guru akademik	107
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	108
5.10	Penutup	109

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A	Soal Selidik	119
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran Kajian Kementerian Pelajaran Malaysian	124
LAMPIRAN C	Surat Kebenaran Kajian Pejabat Pelajaran Gabungan KK	125
LAMPIRAN D	Surat Pengesahan Universiti Malaysia Sabah	126
LAMPIRAN E	Senarai Panel Pengesahan Validiti Instrumen Kajian	127
LAMPIRAN F	Taburan Min Aspek Pelaksanaan j-QAF Mengikut Item	128

SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
Jadual 1.1	Dimensi Kajian	5
Jadual 3.1	Taburan Soal Selidik	62
Jadual 3.2	Jumlah sebenar edaran soal selidik dan jumlah dikembalikan serta jumlah edaran semula bagiimbangan data	64
Jadual 3.3	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Rintis	66
Jadual 3.4	Item positif dan negatif	67
Jadual 3.5	Skala Likert	68
Jadual 3.6	Kekuatan Hubungan Ujian Korelasi	71
Jadual 4.1	Kebolehpercayaan Keseluruhan Mengikut Aspek Kajian	74
Jadual 4.2	Kebolehpercayaan Keseluruhan Mengikut Perbezaan Alpha Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	74
Jadual 4.3	Taburan Responden mengikut Jawatan	75
Jadual 4.4	Taburan Responden mengikut sesi persekolahan	76
Jadual 4.5	Taburan Responden mengikut pengalaman Mengajar	77
Jadual 4.6	Taburan Min Mengikut Pembolehubah	77
Jadual 4.7	Persepsi antara Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek Pelaksanaan, Penjadualan dan Kerjasama	78
Jadual 4.8	Perbezaan persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek Pelaksanaan, Penjadualan dan Kerjasama	79
Jadual 4.9	Analisis Post-hoc Tukey HSD bagi skor Min perbezaan persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek Pelaksanaan, Penjadualan dan Kerjasama	80



Jadual 4.10	Perbezaan persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF mengikut Pengalaman Bekerja	82
Jadual 4.11	Analisis Post-hoc Tukey HSD bagi skor Min perbezaan persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF mengikut Pengalaman Bekerja	83
Jadual 4.12	Perbezaan Pelaksanaan, Penjadualan dan Kerjasama Terhadap program j-QAF mengikut sesi persekolahan	84
Jadual 4.13	Hubungan antara Penjadualan dengan dan Kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF	85
Jadual 4.14	Dapatan Ujian Hipotesis Kajian	87
Jadual 5.1	Pertambahan kelas j-QAF dan beban tugas Guru j-QAF	94

SENARAI RAJAH

RAJAH		HALAMAN
Rajah 2.1	Perkongsian Bijak Tiga Dimensi laitu sekolah (Pentadbir & Guru), ibu bapa dan SAR/SUI	44
Rajah 2.2	Kerangka Kajian	55
Rajah 3.1	Cara Pemilihan Sampel	60

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kurikulum kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia mendukung hasrat murni negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Pelaksanaan cita-cita yang murni ini diteruskan dengan pelbagai usaha dan cara antaranya, dengan penyemakan kurikulum baru KBSR dan KBSM. Tujuan penyemakan kurikulum ini antara lain ialah memantapkan dan mempersiapkan murid dengan cabaran-cabaran semasa dan akan datang pada abad ke 21 (Abdul Rafie dalam Buku Panduan Pelaksanaan j-QAF KPM, 2004).

Program j-QAF berasaskan idea Abdullah Badawi yang telah dinyatakan secara khusus semasa lawatannya ke Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Cetusan idea ini telah diperhalusi di peringkat Kementerian Pelajaran melalui satu seminar j-QAF pada 3 hingga 5 Mac 2004. Program ini telah dijalankan secara ujikaji dalam projek rintis selama 3 bulan dan berakhir pada bulan Julai 2004. Perdana Menteri telah bersetuju program ini dilaksanakan mulai tahun 2005 (JAPIM KPM, 2004).

Pelaksanaan kurikulum j-QAF sekolah rendah telah mencetuskan satu era baru dalam sistem Pendidikan Islam KBSR. Tidak mustahillah sekiranya dalam masa melaksanakan kurikulum tersebut berbagai masalah telah dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dalam pendidikan. Pihak yang paling banyak menghadapi kesulitan ini ialah Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam, pihak pentadbir sekolah, ibu bapa, murid dan lain-lain institusi yang berhubung dengan pembelajaran murid kerana mereka yang menghadapi perubahan kurikulum dan kokurikulum di sekolah.

Kajian ini akan cuba meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru j-QAF, GPI dan pihak pentadbir yang terlibat dengan pelaksanaan program j-QAF di sekolah-sekolah rendah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Program j-QAF dibentuk adalah berpandukan kepada rasional bahawa aktiviti pelajaran dan pendidikan peringkat rendah hendaklah mendapat kemahiran dan pengetahuan melalui pengalaman secara langsung. Pengalaman ini adalah meliputi aspek-aspek intelek, rohani dan jasmani. Juga pengalaman yang dilalui oleh murid hendaklah sesuai dan relevan dengan matlamat yang hendak dicapai. Oleh sebab itu, perkara penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah penglibatan setiap murid secara aktif.

Perancangan kurikulum dan kokurikulum program j-QAF ini dilakukan adalah untuk memberi peluang yang sama kepada setiap murid bagi mendapatkan kemahiran, pengetahuan, nilai, sikap dan amalan-amalan yang diperlukan khususnya kepada murid-murid yang tercicir. Setiap murid diberi bimbingan dan galakan yang seluas-luasnya untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas dengan kukuh. Peranan guru adalah untuk memberikan pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid-murid. Terdapat dua langkah dalam proses pendidikan yang harus dilakukan oleh guru bagi mencapai matlamat itu iaitu membina kemahiran asas murid-murid supaya mantap dan menggunakan kemahiran itu untuk memperoleh pengetahuan selanjutnya.

Kurikulum j-QAF Ini dibentuk berlandaskan matlamat Pendidikan Islam iaitu untuk menghasilkan individu muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh, beradab dan berakhlik mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Untuk memastikan matlamat ini tercapai, maka satu program diperkenalkan hasil daripada ilham YAB Perdana Menteri yang dikenal sebagai "Program j-QAF". Program ini bertujuan untuk memperkasakan

pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah (Dangiran Mustafa dalam Buku Panduan pelaksanaan j-QAF KPM, 2004). Hal ini sejajar dengan matlamat KBSR. Mengikut KPM (1981) antara matlamat KBSR adalah untuk membolehkan murid-murid:

- (i) menguasai kemahiran-kemahiran asas membaca, menulis dan mengira melalui pendidikan Bahasa dan Matematik,
- (ii) menguasai kemahiran-kemahiran belajar berpandukan kemahiran asas itu,
- (iii) membina sikap dan perlakuan yang baik berpandukan nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian yang diterima dan dihargai oleh masyarakat berlandaskan Rukunegara serta menjadikannya asas bagi amalan hidup,
- (iv) mempunyai pengetahuan, kefahaman, minat serta kepekaan terhadap manusia dan alam sekitarnya,
- (v) bergaul, menghargai hak dan kebolehan orang lain dan mempunyai semangat kerjasama dan toleransi,
- (vi) mengembangkan bakat, daya kepimpinan dan keyakinan diri untuk meluaskan pengetahuan serta mempertingkatkan kebolehan dengan menggunakan kemahiran-kemahiran asas yang telah dikuasai.

Sementara matlamat program j-QAF pula adalah untuk memperkasakan sistem Pendidikan Islam dan sekaligus menyelesaikan permasalahan yang wujud dalam pengajaran dan pembelajarannya. Masalah yang timbul akibat daripada kelemahan kurikulum yang ada itu, menyebabkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia berusaha mengorak langkah mencari jalan mengatasinya. Maka lahirlah program j-QAF dengan harapan program ini dapat membantu menyelesaikan masalah Pendidikan Islam bermula dari peringkat sekolah rendah.

Penguasaan pendidikan di peringkat rendah amat penting dikuasai sebelum melangkah ke alam persekolahan menengah yang mempunyai pendidikan dan kemahiran yang lebih meluas. Antara masalah yang menjadi sasaran utama ialah kelemahan murid-murid di peringkat asas dalam bidang pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai (Ling Chu Poh, 1984).

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian yang dibuat oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (1986) mendapati bahawa masih terdapat murid-murid lepasan sekolah rendah yang tidak tahu membaca al-Quran, tidak tahu menulis dan membaca Jawi, tidak tahu mengerjakan ibadah solat dan tidak dapat menunjukkan akhlak yang baik. Kegagalan ini mungkin bukan hanya disebabkan oleh faktor kelemahan pengajaran guru sahaja tetapi juga adalah disebabkan oleh faktor yang lain seperti masalah-masalah yang berpunca daripada murid, sekolah, ibu bapa dan persekitaran (Ibrahim, 2001). Ekoran kerana itulah program j-QAF dilaksanakan untuk mengatasi masalah lemah al-Quran dan Jawi, memantapkan asas-asas Fardhu Ain dan memperluaskan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Murid-murid Islam wajib mempelajarinya dan menjadi mata pelajaran pilihan bagi murid bukan Islam.

Setelah setahun j-QAF dilaksanakan timbul pelbagai rungutan dan ketidakpuasan hati dalam kalangan para pentadbir, Guru j-QAF dan Guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaannya terutama apabila program j-QAF melibatkan pertambahan waktu di luar jadual waktu rasmi persekolahan. Hal ini menimbulkan masalah kepada pihak pentadbir untuk mengurus penjadualan disebabkan murid-murid terlibat dengan Sekolah Agama Rendah (SAR) dan Sekolah Ugama Islam (SUI) yang dipantau oleh Jabatan Hal Ehwal Islam Sabah (JAHEINS) pada waktu yang telah ditetapkan. Bagi murid-murid yang bersekolah sesi pagi, kelas agama

mereka adalah pada sesi petang iaitu selepas waktu persekolahan kira-kira pada jam 2.00 petang. Bagi murid-murid yang bersekolah pada sesi petang pula, kelas agama mereka adalah pada waktu pagi iaitu pada jam 8.00 dan berakhir pada jam 11.00 pagi. Secara tidak langsung keadaan ini memberi kesan kepada pelaksanaan program j-QAF yang dilaksanakan di luar waktu rasmi kerana murid-murid mempunyai ruang waktu yang sempit untuk memenuhi program j-QAF.

Rungutan Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam dan pihak Pentadbir terhadap pelaksanaan j-QAF perlu diambil kira bagi menjayakan program tersebut. Kajian ini hanya akan mengkaji dari aspek masalah yang dihadapi oleh Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam dan Pentadbir terhadap pelaksanaan j-QAF. Untuk mengesahkan masalah pelaksanaan j-QAF yang dihadapi Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam dan Pentadbir, penyelidik telah membahagikan kajian ini kepada tiga dimensi. Dimensi-dimensi tersebut dipaparkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Dimensi kajian

Demensi 1	Aspek Pelaksanaan j-QAF <ul style="list-style-type: none"> a. Persepsi Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam dan Pentadbir sekolah terhadap perlaksanaan j-QAF b. Persepsi Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam dan Pentadbir terhadap Pelaksanaan j-QAF mengikut pengalaman bekerja c. Persepsi Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam dan Pentadbir terhadap Pelaksanaan j-QAF mengikut sesi persekolahan
Demensi 2	Aspek Penjadualan j-QAF <ul style="list-style-type: none"> a. Hubungan penjadualan dengan pelaksanaan j-QAF
Demensi 3	Aspek Kerjasama j-QAF <ul style="list-style-type: none"> a. Hubungan kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF

Mengikut pendapat penyelidik, keberkesanan pelaksanaan program j-QAF ini adalah bergantung kepada pemahaman terhadap konsep, matlamat dan falsafah program j-QAF yang melibatkan kerjasama pentadbir sekolah, guru-guru, ibu bapa, murid dan institusi lain. Hubungan penjadualan, kerjasama dan persekitaran memainkan peranan penting ke arah pelaksanaan program yang mantap dan berkesan. Tanpa kesepaduan antara hubungan tersebut sesuatu program akan hilang manfaatnya.

1.4 Soalan kajian

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang dikemukakan, timbul pelbagai persoalan dalam aspek kajian yang dinilai iaitu dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama terhadap pelaksanaan program j-QAF. Aspek pelaksanaan program j-QAF merujuk kepada persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF. Pengaruh pengalaman kerja dan pengaruh sesi persekolahan terhadap pelaksanaan program j-QAF juga menimbulkan persoalan. Turut menjadi persoalan kajian adalah aspek penjadualan dan kerjasama yang mempengaruhi pelaksanaan program j-QAF.

Justeru, kajian ini adalah untuk menjawab soalan-soalan seperti berikut iaitu:

- i. Adakah terdapat persepsi yang positif antara Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama?
- ii. Adakah terdapat perbezaan persepsi antara Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama?
- iii. Adakah terdapat perbezaan persepsi Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF mengikut pengalaman kerja?



- iv. Adakah terdapat perbezaan persepsi Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF mengikut sesi persekolahan?

- v. Adakah terdapat hubungan antara penjadualan dan kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF?

1.5 Tujuan Kajian

Kajian mengenai program j-QAF belum dijalankan oleh mana-mana pihak kerana program tersebut merupakan satu program yang baru dilaksanakan pada tahun 2005. Kajian ini merupakan kajian awal untuk mendapat gambaran tentang persepsi Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF terhadap pelaksanaan program j-QAF dalam pengajaran Pendidikan Islam KBSR dan perbezaan persepsi mengikut pengalaman bekerja.

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji perbezaan pelaksanaan program j-QAF mengikut sesi persekolahan bagi mengenal pasti masalah yang dipersepsikan oleh Pentadbir, Guru j-QAF dan Guru Pendidikan Islam sekolah rendah. Juga untuk melihat hubungan antara penjadualan dan kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF.

1.6 Objektif Kajian

secara umumnya kajian ini adalah untuk:

- i. mengenal pasti persepsi Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama,

- ii. mengenal pasti perbezaan persepsi antara Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama,

- iii. mengenal pasti perbezaan persepsi Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF mengikut pengalaman kerja,
- iv. mengenal pasti perbezaan persepsi Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF mengikut sesi persekolahan, dan
- v. mengenal pasti hubungan antara penjadualan dan kerjasama dengan pelaksanaan program j-QAF.

1.7 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk memberikan gambaran tentang senario sebenar yang sedang dihadapi oleh pihak pentadbir yang terlibat dengan program j-QAF ini. Selain itu, kajian juga turut memaparkan keresahan dan kesulitan yang ditanggung oleh Guru j-QAF yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan j-QAF terutama dari aspek penjadualan dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan program j-QAF. Secara tidak langsung kajian ini mencerminkan harapan, kehendak, dan keinginan Pentadbir, GPI, dan Guru j-QAF terhadap apa-apa yang sepatutnya diprogramisasikan/diaplikasikan dalam pemantapan program j-QAF.

Oleh itu, Maklumat dari kajian ini diharap akan dapat:

- i. menjadi panduan kepada guru-guru besar untuk menilai keberkesan program j-QAF di sekolah masing-masing seterusnya mengorak langkah ke arah pembaikan,
- ii. membantu Pejabat Pelajaran Gabungan yang bertangungjawab dalam pengagihan Guru j-QAF/GPI dan memberi latihan secukupnya kepada guru-guru,
- iii. membantu Jabatan Pelajaran Negeri di seluruh negara untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program j-QAF sebaik mungkin,

- iv. memberi manfaat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengesahkan masalah sebenar yang dihadapi oleh Pentadbir, GPI dan Guru j-QAF yang mengganggu kelancaran pelaksanaan program j-QAF dan mencari jalan menanganinya serta bertindak mengatasi masalah yang timbul secara bijaksana,
- v. memberi manfaat kepada ibu bapa dan SAR/SUI untuk sama-sama membantu dan menjayakan program ini demi untuk kepentingan pembelajaran anak-anak. Ibu bapa juga di harap memberi perhatian serius dan sedar tentang kepentingan anak-anak menguasai bidang Tilawah al-Quran, Aqidah, Ibadah, Sirah Nabawi, Akhlak, Bahasa Arab dan Jawi supaya menjadi amalan dan penghayatan dalam kehidupan untuk melahirkan insan yang diredhai oleh Allah S.W.T. (Zawawi, 1988),
- vi. membangkitkan kesedaran semua pihak agar prihatin dengan perubahan kurikulum Pendidikan Islam terutama seluruh warga sekolah agar turut sama memainkan peranannya dalam program ini,
- vii. Akhir sekali, dapatan kajian ini penting kepada semua pihak terutama para penyelidik pada masa hadapan kerana hasil kajian ini dapat dijadikan landasan kajian lanjutan yang berkaitan dengan pelaksanaan program j-QAF dalam pengajaran Pendidikan Islam KBSR.

1.8 Hipotesis Kajian

Sehubungan dengan itu penyelidikan ini bertujuan untuk menjawab hipotesis alternatif dan hipotesis nol seperti berikut:

Ha1 Terdapat persepsi positif yang signifikan antara Pentadbir, Guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF terhadap program j-QAF dari aspek pelaksanaan, penjadualan dan kerjasama.

BIBLIOGRAFI

Laporan-Laporan Kerajaan

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran. 1980. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Kecidiran Bahagian Sekolah. 1973. Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur.

Laporan pengesanan Perlaksanaan KBSR Tahun 2. 1984. Pusat perkembangan Kurikulum KPM Kuala Lumpur.

Laporan Pengesanan KBSR 1985 (Proses P&P). 1986. Pusat Perkembangan Kurikulum. KPM Kuala Lumpur.

Akhbar

Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (Berita Harian, 30 September 1995).

Tesis/Latihan Ilmiah

Abdul Aziz Mat Jais. 2000. *Pelaksanaan aktiviti dakwah dan kokurikulum Pendidikan Islam serta penghayatannya di kalangan pelajar Daerah Kinta Ipoh – Satu Tinjauan*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Burak. 1989. *Kebolehan membaca Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah*. Kajian Ilmiah, IPSI Tanjung Malim.

Ahmad Hj. Hasbullah. 1987. *Ke Arah Perlaksanaan Kaunseling Islam- Satu Tinjauan*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amin Mohd Rashid. 1990. *Masalah Pengajaran Penididikan Islam Di sekolah Rendah –Satu kajian persepsi guru-guru mata pelajaran tersebut*. Desertasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aminah Idris. 1997. *Penilaian program tilawah al-Quran sekolah menengah rendah*. Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asad Awang. 1992. *Pembinaan dan penggunaan alat bantu mengajar Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Azlan Syah Perak*. Tesis, Universiti Malaya.

- Gani Senang. 2000. *Kemahiran menyebut makhraj huruf dan hukum tajwid tilawah al-Quran di kalangan pelajar tingkatan dua Kota Kinabalu*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali bin Hassan. 1982. *Perkembangan dan Kualiti pengajaran Agama Islam di sekolah rendah dan menengah di Malaysia*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamezah bin Husin. 1989. *Pengajian al-Quran: Kajian mengenai keberkesanan Asuhan Membaca al-Quran Darjah IV dan V di sekolah-sekolah rendah di jajahan Pasir Putih, Kelantan*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ismail Thani. 1993. *Program Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Di Sabah: Pelaksanaan dan Permasalahan*. Latihan Ilmiah Universiti Putra Malaysia Selangor.
- Khatijah Endut. 1996. *Keberkesanan nilai-nilai Pendidikan Islam terhadap aktiviti-aktiviti ko-kurikulum – Satu kajian kes*. Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kolade, Babatunde. 1987. *A Comparison Of Pedagogical Classroom Instructional Problems Perceived By Beginning and Experienced Michigan Vocational Production Agriculture Teachers*. A Dissertation Education Doctor Of Philosophy, Michigan State University.
- Muhammad Suhaimi Taat. 2004. *Hubungan Pengajaran Amali Dalam Pendidikan Islam Dengan Pelaksanaan Ibadah Solat*. Desertasi, Universiti Malaysia Sabah.
- Muzni Haji Borhan. 1995. *Penguasaan Pelajaran Jawi di kalangan murid tahun lima di sekolah sekolah rendah Daerah Tampin Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Noraziah Mohd Yusop. 2001. *Pelaksanaan Pendidikan Islam di Luar Bilik Darjah: Satu Kajian Kes Di Dua Buah Sekolah di Daerah Pontian Johor*. Tesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Northawati Salimuddin. 2000. *Masalah penggunaan tulisan Jawi di sekolah rendah Daerah Kinta 1 Ipoh – Satu Tinjauan*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Ain Bt Md. Nasir. 1988. *Masalah Akademik yang dihadapi oleh remaja dari Bandar dan luar Bandar di Daerah Taiping, Perak*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saadah Mat Nor. 1988. *Persepsi Guru-guru Bahasa Malaysia terhadap perkaedahan Bahasa Malaysia Peringkat KBSR – Satu Kajian Kes di Daerah Temerloh*. Latihan Ilmiah, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Wan Bakar Wan Dagang. 1985. *Kajian Mengenai masalah guru dalam pengajaran asuhan membaca al-Quran KBSR*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zainab Abdul Rahman. 1983. *Tinjauan Pendidikan Islam KBSR*. Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kertas Kerja

- Fatimah Hamidon. 1986. *Teaching- Its Role In Human Development*. Seminar On Higher Education A Revelation, International Islamic University, 4 th – 5 th Januari.
- Ghazali Basri. 1988. *Peranan Akhlak Dalam Pendidikan*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Harbiah Bt Kasim. 1985. *Kesedaran Islam dikalangan Murid Sekolah Daerah Hulu Langat – Satu Tinjauan*. Kertas Projek Diploma, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairuddin Muhammad. 1973. *Cara Penyampaian Pengajaran Agama Islam Dahulu dan sekarang*. Kertas Kerja Bengkel Kaedah pengajaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee Voon Mun. 1972. *Kaedah-kaedah mengajar ilmu pertanian*. Kertas kerja Masalah pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Nor Azizah Mohd Salleh dan Noraini Mohd Salleh. 1984. *Tinjauan KBSR dari kacamata guru dan guru besar*. Kertas Kerja Pusat Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Awang. 1978. *Kesan pengarauh agama Islam dan Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu*. Kertas kerja dalam seminar pengajian Melayu 25 tahun. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Deen. 1986. *Pentadbiran Dan Pengelolaan Pendidikan Pemulihan Di Peringkat Negara, Negeri Dan Sekolah*. KPM Bahagian Sekolah-sekolah.

Buku

- Abdul Ghafar Ibrahim dan Tamby Subahan Mohd Meerah. 1985/1986. *Guru Agama - satu tinjauan keberkesanan pengajaran*, Jld 11-12. Shah Alam: Persatuan Pendidik Malaysia.
- Abu Bakar Mohd Shah. 1986. *Pengelolaan dan Pengurusan Kelas Pemulihan*. Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abu Bakar Nordin. 1986. *Asas Penilaian Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Al-Abrasyi, M. Athiyah.1970. *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Al-Ghazali. 1994. *Ihya Ulumuddin*. Terj. Ismail Yaakub. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

- Al-Syaibani, Omar. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam* (terj. Hasan Langgulung). Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd.
- Anastasi, A. 1982. *Psychological Testing*. New York: MacMillan.
- Asmah Hj.Omar. 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. 1980. *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Babbie, Earl R. 1973. *Survey Research Methods*. Belmont. California: Wadsworth Publishing Co. Inc.
- Battle, J.A. dan Shannon, R.L. 1978. *Gagasan Baru Ilmu Pendidikan* (terj.). Jakarta: Penerbit Mutiara.
- Borg, Walter R. 1981. *Applying Educational Research: A practical Guide For Teachers*. New York: Longman Inc.
- Campbell, R.F. Corbally, J.E. Nystrand, R.O. 1988. *Pengenalan Pentadbiran Pendidikan* (terj. Abdul Rahman Md. Aroff, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Habibah Elias). Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Cornell, H. F. 1981. *Asas Pendidikan* (terj. Fatimah Mohamad). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Tee Tee, Koh Boh Boon (1992). *Pendidikan Khas dan Pemulihian Bacaan Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Dearden, R.F. 1981. *Problems in Primary Education*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Ee Ah Meng. 1988. *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng. 1989. *Pedagogi Satu Pengenalan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fink, A. & Kosecoff, J. 1985. *How to conduct surveys*. Beverly Hills: SAGE Publications.
- Fraenkel, J.R & Wallen, N.E. 1996. *How to design and evaluate research in education*. New York: MC Graw Hill.
- Gagne, R.M. 1965. *The Condition Of Learning*. Montreal: Holt, Rinehart And Winston, Inc.
- Hassan Langgulung. 1979. *Pendidikan Islam Suatu Analisa Sosio Psikologikal*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hasan Langgulung. 1986a. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Langgulung. 1986b. *Manusia dan Pendidikan – Suatu Analisa Psikologi, Filsafat dan Pendidikan*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Hasan Langgulung. 1987. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.

- Hopkins, Charles D. 1976. *Educational Research: A Structure For Inquiry*. Columbus Ohio: Charles E. Merrill Publishing Co.
- Hough, J.B. & Duncan, J.K. 1976. *Teaching: Description and Analysis*. Reading, Massachusetts: Addison-Wesley Publishing Co.
- Ibrahim Mamat. 2001. *Pengetua Sekolah: Menangani Isu dan cabaran kepimpinan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Ismail Hamid. 1988. *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Muhammad. 1996. *Kelakuan Organisasi*. Kuala Lumpur: Leeds Publication.
- James, D.E. 1972. *Introduction To Psychology*. London: Mill Macmillan Education Ltd.
- Kang Keong Seock. 1986. *Perkembangan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan malaysia. 1982. *Buku Panduan Am KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan pustaka.
- Kementerian Pendldikan Malaysia. 1981. *KBSR – Matlamat, Rasional, Bidang Pelajaran dan Strategi P&P*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1985. *Buku Panduan Pengurusan kurikulum Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1986. *Buku Panduan Khas PAI KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1990. *Sukatan Pendidikan Islam Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran Dan Pembelajaran Kokurikulum j-QAF*. Kuala Lumpur: JAPIM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2004. *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan Dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*. Kuala Lumpur: JAPIM KPM.
- Kertlinger, F.N. 1973. *Foundation Of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Koh Boh Boon. 1977. *Peranan Baru Guru Sebagai Pencari Pemulih kelemahan*. Majalah Seruling Jaya, Jld 6: Hal: 30-32.
- Koh Boh Boon (1981) *Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ling Chu Poh. 1984. *Bezantara individu dalam sekolah rendah di Malaysia sebagai satu cabaran untuk kejayaan kurikulum baru sekolah rendah*, Vol. 9 & 10, April – Jun. Shah Alam: Persatuan Pendidik Malaysia.

- Marwin, E.S.&Jack, M.W. 1967. *Scales Of The Measurement Of Attitudes*. USA: MC Graw Hill Book Co.
- Mohamad Hj Shafie. 1980. *Pendidikan dan Pembelajaran Agama dan Moral dalam pendidikan dan pentadbiran sekolah rendah*, ed. M. Noor Azam. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Mohd Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan pembangunan – Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Interprise.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. 1991. *Metodologi Pendidikan*. Bangi: Penerbitan UKM.
- Mok Soon Sang. 1990. *Pedagogi 4 Pemulihian, Pengayaan Dan Isu Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nor Hashimah Hashim. 2003. *Panduan Pendidikan Pra Sekolah*. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nully, J.C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: MC Graw Hill.
- Rahim Abdullah. 2001. *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Robiah Sidin. 1998. *Pemikiran dalam Pendidikan*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robertson, E. 1988. *Teaching and related activities, The International Encyclopedia of teaching and Teacher Education*. Ed. Michael J.Dunkin. Oxford: Pergamon Press Plc.
- Rohana Yusof. 2003. *Penyelidikab Sains Sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Salma Ishak, 1988. *Pandangan ibu bapa terhadap peranan mereka di dalam pendidikan kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan KPM.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1985. *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Smith, B.O. 1960. *A concept of Teaching*. Teachers College Record.
- Sobri Salamon. 1988. *Falsafah Pendidikan Islam dan dasar pelajaran Malaysia, Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Sulaiman Ngah. 1996. *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syed Ali Ashaf. 1994. *Metodologi Dakwah Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Syed Arabi Idid. 1998. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. 1972. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Selangor: Penerbitan UKM.
- Van Dallen, D.B. 1993. *Memahami Penyelidikan Pendidikan*. Terj. Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid Konting. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Vroom, V.H. 1964. *Work and motivation*. New York: John Wiley.
- Wallen, R. 1996. *Research Methodology: A step by step guide for beginners*. London: Sage Publications.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1995. *Wawasan pendidikan agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Hussein Azmi. 1988. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William, D.A. 1966. *An Introduction To Programmed Instruction*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- William, J., Karp, D. Dolphin & Gray. 1982. *The Research Craft. An Introduction to Social Research Method*. Boston: Little, Brown & Company.
- Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng dan Ismail Abu Bakar. 1987. *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Heinemann Education Books (Asia) Ltd.
- Zakaria Abd. Rahman. 1983/84. *Keberkesanan Mengajar – Faktor guru*, vol. 9 & 10, April – Jun. Shah Alam: Persatuan Pendidikan Malaysia.
- Zainab Subari. 1980. *Masalah Guru sekolah rendah dalam pendidikan dan pentadbiran sekolah rendah*. ed. M. Noor Azam. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Zawawi Hj. Ahmad. 1988. *Strategi Pengajaran Agama Islam KBSM*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Kamus

Kamus Dewan (edisi Baru). 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (edisi Ketiga). 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Artikel

- Abdul Halim El-Muhammady. 1984. Pendidikan Islam - Skop dan Matlamatnya, Kuala Lumpur: Biro Pendidikan, Angkatan Belia Islam Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*. Bil. 1.
- Atan Long. 1993. Tanggungjawab, peranan dan sumbangan PIBG dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Komuniti* 1:37-41.
- Koh Boh Boon (1981). Bahan Pengajaran Kendiri Terancang Untuk Pengejarian Pemulihan Dalam Bahasa Malaysia Untuk Sekolah-Sekolah Rendah. *Jurnal KPM*. Jld. xx(51):Hal:105-111.
- Lutfi Abas. 1984. Kaedah dan faedah belajar Jawi. Dewan Bahasa. *Jurnal Jilid 28. Bil.6*.
- Mohd Idris Jauzi. 1993. Muafakat Pendidikan: Konsep, Tuntutan, Prinsip dan Strategi. *Jurnal Pendidikan Komuniti* 1:25-30.
- Rahmad Sukor Abdul Samad. 1997. Kelas Pemulihian Apa Kebaikannya?. *Jurnal Dewan Budaya*. Jun Hal:43-37.
- Sidek Baba. 1993. Muafakat Pendidikan Suatu Perspektif. *Jurnal Pendidikan Komuniti* 1:31-36.
- Tajul Ariffin Noordin. 1993. Tanggungjawab, Peranan dan Sumbangan PIBG dalam Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Komuniti* 1: 42-47.
- Wan Bakar Wan Dagang. 1990. Pengajaran dan pendidikan al-Quran dalam KBSR. *Jurnal Pendidikan Islam*.Jld.3.Bil.3.
- Wan Mohd Zahid. 1993. Wawasan 2020 dan pendidikan: Pembinaan usaha muafakat. *Jurnal Pendidikan Komuniti* 1: 5-12.
- Zawawi Hj. Ahmad. 1988.Teras dan falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. Bil. 8.

Laman Web/emel

- Sidek Baba. 2006. Pengetua sebagai Pemimpin perubahan.
["http://www.geocities.com/padeat68/jurnal-institut-pengetua-htm](http://www.geocities.com/padeat68/jurnal-institut-pengetua-htm)
- Chin Sik Sean. 2001. Kecemerlangan Akademik Penyuluhan Hidup.
<http://nextlevel.com.my/article.phd?ArticleID=306>
 Dicetak pada 3 Mac 2005.

Responden Yang Ditemui Bual

Abdul Sattar Mohamed. Pensyarah j-QAF Maktab Perguruan Kent Tuaran Sabah. "Soal selidik relevan atau tidak serta permasalahan j-QAF". 3 Januari 2006.

Gani Senang. Penolong Pegawai Pejabat Pelajaran Gabungan Kota Kinabalu Sabah. "Jumlah Daerah yang digabungkan dalam Gabungan Kota Kinabalu dan jumlah sekolah Gabungan Kota Kinabalu". 20 Februari 2006.

Guru GPI, Gabungan Kota Kinabalu. Responden Kajian. "Pandangan mengenai kurikulum j-QAF dan respon GPI dalam P&P". 25 Februari 2006.

Guru j-QAF, Gabungan Kota Kinabalu. Responden Kajian. "Beban Penjadualan j-QAF diuar waktu rasmi sekolah dan kelas Tasmik al-Quran". 25 Februari 2006.

Ibu bapa, Gabungan Kota Kinabalu Sabah. "Kekangan yang dihadapi dalam memberi komitmen terhadap j-QAF". 27 Februari 2006.

Leha Kalid. Penyelia Unit Pendidikan Islam dan Moral Pejabat Pelajaran Gabungan Kota Kinabalu. "Jumlah sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan j-QAF dan data Guru j-QAF serta jumlah sekolah satu sesi dan dua sesi Gabungan Kota Kinabalu". 20 Februari 2006.

Mohd Zamri Ali. GPI Gabungan Kota Kinabalu. "Kesesuaian soal selidik dan komitmen GPI terhadap j-QAF". 3-6 Januari 2006.

Pegawai-Pegawai j-QAF Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral Kota Kinabalu. "j-QAF harapan dan tahap pencapaiannya". 25 Februari 2006.